



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 AUGUST 2016



NAJIB TUN RAZAK



MAHATHIR MOHAMAD

Memperkukuh institusi Presiden

UM - 9/8/2016

SEINGAT kita orang Melayu, Ketua Penerangan UMNO, Allahyarham Sulaiman Palestin adalah orang pertama yang sanggup menentang Presiden UMNO, Tun Hussein Onn pada 1983.

Trend ini disusul oleh Tengku Razaleigh Hamzah pada 1987 yang menentang penyandang jawatan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Realitinya, waima wujud perubatan jawatan nombor satu itu, institusi Presiden UMNO harus dipertahankan. Kalau gagal berbuat demikian, parti keramat orang Melayu ini akan lemah.

Cuma tinggal lagi dalam era sekarang beberapa perhitungan semasa perlu difikirkan oleh kepimpinan UMNO.

Ketika ini adalah perkara biasa bagi seorang Presiden untuk menegakkan demokrasi dan perlembagaan parti. Tetapi apa kuasa yang diperlukan oleh Presiden dalam menangani sesuatu cabaran atau kemelut di luar dugaan?

Demikian juga dengan kuasa-kuasa eksekutif parti yang misalnya terletak di bawah Biro Politik diketuai Presiden. Setakat ini 'biasa-biasa sahaja' dan sepatutnya boleh difikirkan lebih lagi.

Cuma janganlah pula melibatkan pindaan tertentu perlembagaan parti dalam tempoh demokrasi orang Melayu waktu ini sedang berkembang. Sekiranya mahu juga dibuat demikian, jangan pula keterlaluan memperluaskan kuasa yang dikhuatiri nanti dilabel 'diktator'. Tetapi tidaklah pula sehingga tidak dibuat sesuatu sehingga menampakan kelemahan institusi Presiden ini.

Juga perlu difikirkan kedudukan Timbalan Presiden setelah 'keadaan yang dicituskan' Tan Sri Muhyiddin Yassin. Ini agar sese-



Oleh **ZULKIFLI JALIL**
pengarang@utusan.com.my



Dr. Mahathir walaupun jasanya cukup kita kenang dan hormat, namun apabila tumpuannya hanyalah untuk menjatuhkan presiden, maka penghormatan itu bertukar kepada 'perjuangan yang cetek'

orang yang menyandang jawatan nombor dua itu benar-benar berfungsi atas sifat membantu Presiden. Setakat ini kelihatan tempo Timbalan Presiden dalam membantu pentadbiran parti agak longgar. Akauntabiliti tidak ada. Hal ini mesti difikirkan bersama.

Dr. Mahathir walaupun jasanya cukup kita kenang dan hormat, namun apabila tumpuannya hanyalah untuk menjatuhkan Presiden, maka penghormatan itu bertukar kepada 'perjuangan yang cetek'.

Tetapi andai kata perjuangan Dr. Mahathir terarah kepada kritikan antaranya 'UMNO tidak cukup perjuangan budaya, agama dan Melayunya', itu mungkin akan diterima. Ia lebih relevan.

Namun kalau perjuangan hendak jatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak, orang Melayu, ahli UMNO dan rakyat Malaysia tidak cukup tertarik.

Ia seperti mahu memusnahkan institusi Presiden.